

HINA NABI SAW, HINA ISLAM APA TINDAKAN KITA.....

Kita memandang berat penghinaan terhadap Rasulullah s.a.w yang telah disiarkan melalui rentetan penyiaran kartun di beberapa buah negara Kesatuan Eropah sejak September 2005 yang lalu. Sejak 12 kartun tersebut disiarkan menerusi akhbar Denmark, Jyllands-Posten, pada 30 September 2005, siri kartun tersebut telah diulang cetak dan disiarkan beberapa kali oleh akhbar dan majalah tempatan di beberapa buah negara di Eropah termasuklah Magazinet (Norway) France Soir (Perancis), La Stampa dan Corriere della (Itali), Die Welt (Jerman), Volkskrant (Belanda), Blick dan Tribune de Geneva (Switzerland).

Disebalik bantahan dan desakan yang dibangkitkan oleh umat Islam dari seluruh dunia, kita wajar melahirkan rasa kesal terhadap sikap bongkak dan lepas tangan sebahagian pengamal media dan pemimpin negara-negara Eropah tersebut. Kita patut tegas menyelar sikap sombong Perdana Menteri Denmark, Anders Fogh Rasmussen yang masih berdegil mempertahankan penyiaran kartun tersebut atas nama kebebasan media (freedom of press) yang tidak boleh diganggu gugat.

Bagi kita, tragedi ini merupakan bukti terkini rentetan kebiadapan pihak-pihak tertentu di Barat yang secara semberono dan sewenang-wenangnya melakukan pelbagai siri penghinaan terhadap umat Islam terutamanya sejak tragedi 11 September 2005.

Tahun 2005, masih terpacat segar di sanubari umat Islam tatkala kitab suci kita Al-Quranul Karim dicampakkan ke dalam mangkuk tandas oleh tentera Amerika Syarikat sewaktu menyoal siasat tahanan Afghanistan di Teluk Guantanamo. Kesannya, teretuslah kemarahan umat Islam yang menyaksikan siri demonstrasi dan bantahan di pelbagai pelusuk dunia. Tidak lama sebelum itu, penyiksaan yang memalukan terhadap tahanan penjara Abu Gharib di Iraq belum lagi luput dalam memori masyarakat dunia.

Walaupun demikian, sehingga hari ini kita masih melihat negara-negara Barat terus menerus melakukan penghinaan terhadap Allah s.w.t dan nabi Muhammad s.a.w. Kebebasan bersuara dan media telah digunakan seluas-luasnya untuk mencanangkan siri penghinaan dan provokasi yang teratur terhadap umat Islam melalui segala jentera media massa yang provokatif. Sesungguhnya kartun tersebut telah mengguris sensitiviti umat Islam dan mencabar maruah Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat.

Dalam suasana sambutan Ma'al Hijrah 1427H yang mulia ini, marilah kita seluruh umat Islam bangkit mempertahankan kesucian dan maruah Rasulullah s.a.w



Mengapa Manusia Ditimpa Bencana?

Dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh At-Tarmizi daripada Ali bin Abu Talib, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: "Apabila umatku melakukan 15 perkara berikut, maka layaklah mereka ditimpa bencana iaitu:

1. Apabila harta yang dirampas (daripada peperangan) diagih-agihkan kepada orang-orang yang tertentu sahaja.
2. Apabila zakat dikeluarkan kerana penebus kesalahan (terpaksa).
3. Apabila sesuatu yang diamanahkan menjadi milik sendiri.
4. Apabila suami terlalu mentaati isteri.
5. Apabila anak-anak menderhakai ibu bapa masing-masing.
6. Apabila seseorang lebih memuliakan teman daripada ibu bapa sendiri.
7. Apabila kedengaran banyak bunyi bising.
8. Apabila lebih ramai berbicara mengenai hak keduniaan di dalam masjid.
9. Apabila sesuatu kaum itu terdiri daripada orang yang dihina oleh mereka.
10. Apabila memuliakan seseorang kerana takutkan tindakan buruknya.
11. Apabila arak menjadi minuman biasa.
12. Apabila lelaki memakai sutera.
13. Apabila perempuan dijemput menghiburkan lelaki.
14. Apabila wanita memainkan alat-alat muzik.
15. Apabila orang yang terkemudian menghina orang terdahulu, maka pada saat itu tunggulah bala yang akan menimpa dalam bentuk angin merah (puting beliung) atau gerak gempa yang maha dahsyat atau tanaman yang tidak menjadi.

Seandainya kita sama-sama merenungi hadis di atas, tidak dapat tidak kita akan menerima hakikat bahawa bencana yang menimpa sesuatu kaum itu adalah berpunca daripada perbuatan mereka sendiri. Oleh itu, kembali kepada yang dituntut oleh Islam, semoga kehidupan kita akan dirahmati keamanan dari dunia hingga ke akhirat. Wallahualam

Trend terkini dimana orang ramai memulakan program hiburan dari sehari ke sehari semakin merimaskan. Di sana sini, remaja mahupun si tua tetapi berhati muda, heboh menceritakan kegilaan dan taksub terhadap Akademi Fantasia, Malaysian Idol, Konsert Sureheboh TV3, Juara Lagu, Bintang Popular dan sebagainya. Lebih malang lagi, mereka secara terang-terangan taksub sehingga menangi peserta yang kalah bertanding dalam program tersebut.

Berdasarkan pemerhatian, kegilaan membuak-buak dan taksub di kalangan penonton yang menyaksikan persembahan peserta memperlihatkan betapa mereka sudah terlalu jauh leka dengan buaian dunia. Yang tua sama sahaja, meratapi peserta yang diumumkan kalah. Sementara yang muda, berpesta tangisan dan berpeluk-pelukan dengan bukan muhrim tanpa segan silu. Yang di atas pentas berpelukan juga tanpa mengenal batasan. Yang menjadi peliknya, 95 peratus peserta adalah Melayu Islam, begitu juga penonton Konsert Hiburan yang lain.

Cuba kita tanya kepada muda-mudi zaman ini, kenalkah mereka siapa pejuang-pejuang Islam yang telah syahid di medan perang? Kenalkah mereka kepada sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.? Kenalkah mereka kepada mubaligh-mubaligh Islam? Tetapi tanyakan pula kepada mereka apakah mereka kenal dengan Juara Akademi Fantasia? Atau penyanyi dari Barat? Jawabannya tentulah kenal. Penyanyi berimej seks seperti Britney Spears telah menjadi mainan di bibir mereka.

Mudahnya orang Melayu mengangkat hiburan ke tahap tertinggi sukar difahami. Inilah natijahnya kalau tidak ada lagi elemen Islam yang boleh diketengahkan oleh media kepada masyarakat. Kalau ada hanya setengah jam sahaja rancangan agama di TV misalnya, mampukah nilai Islam diterapkan? Jika hendak dibandingkan jumlah jam siaran program taksub hiburan dengan program baik untuk kerohanian, terlalu jauh perbezaannya. Mengapa ini semua terjadi? Apakah fungsi pihak-pihak berkuasa Agama Islam dalam hal ini? Adakah mereka menegur secara senyap-senyap? Atau mereka sendiri terpaksa redha dengan tindakan pihak-pihak tertentu membiarkan masyarakat bergelumang dengan program maksiat.

Mari kita menyingkap sejenak satu kisah pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Pada suatu hari Uqa'il bin Abi Thalib berada bersama-sama dengan Nabi Muhammad s.a.w. Pada waktu itu Uqa'il telah melihat peristiwa ajaib yang menjadikan hatinya tetap bertambah kuat di dalam Islam.

Peristiwa pertama adalah, bahawa Rasulullah s.a.w. akan mendatangi hajat yakni membuang air besar dan di hadapannya terdapat beberapa batang pohon. Maka baginda s.a.w. berkata kepada Uqa'il, "Hai Uqa'il teruslah engkau berjalan sampai ke pohon itu, dan katalah kepadanya, bahawa sesungguhnya Rasulullah berkata; Agar kamu semua datang kepadanya untuk menjadi aling-aling atau penutup baginya, kerana sesungguhnya baginda akan mengambil air wuduk dan buang air besar." Uqa'il pun keluar dan pergi mendapatkan pohon-pohon itu dan sebelum dia menyelesaikan tugas itu ternyata pohon-pohon sudah tumbang dari akarnya serta sudah mengelilingi di sekitar baginda s.a.w. selesai daripada hajatnya. Maka Uqa'il kembali ke tempat pohon-pohon itu. Pohon pun tahu menyayangi Rasulullah saw.

Peristiwa kedua adalah, bahawa Uqa'il berasa haus dan setelah mencari air ke mana pun jua namun tidak ditemui. Maka baginda s.a.w. berkata kepada Uqa'il: "Hai Uqa'il, dakilah gunung itu, dan sampaikanlah salamku kepadanya serta katakan, "jika padamu ada air, berilah aku minum!" Uqa'il lalu pergilah mendaki gunung itu dan berkata kepadanya sebagaimana yang telah disabdakan baginda itu. Maka sebelum ia selesai berkata, gunung itu berkata dengan fasihnya, "Katakanlah kepada Rasulullah, bahawa aku sejak Allah SWT menurunkan ayat yang bermaksud: ("Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu beserta keluargamu daripada (seksa) api neraka yang umpannya dari manusia dan batu)." "Aku menangis sebab takut kalau aku menjadi batu itu maka tidak ada lagi air padaku." Nah, mampukah kita

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan – *Biro Penerangan & Komunikasi*

menjadi seperti batu gunung itu. Atau kita ini lebih keras daripada batu gunung. Keras tidak mampu dikikis dengan roh Islam. Malangnya nasib kita jika terus begini!

Rancangan mencungkil bakat-bakat baru dalam dunia hiburan seperti 'Malaysian Idol', 'Akademi Fantasia', 'Audition' dan 'Who Will Win' yang disiarkan dalam televisyen sebenarnya mampu untuk menghalang remaja daripada menuntut ilmu. Ianya seolah-olah mencadangkan remaja tidak perlu lagi belajar tinggi, tetapi dengan hanya menyanyi mereka sudah dapat glamour dan boleh kaya.

Terlalu banyak rancangan di televisyen pula hanya mencedok idea negara Barat. Contohnya rancangan seperti 'Malaysian Idol' yang mana sebelum ini adalah 'American Idol'. Ianya diimport dan ditiru bulat-bulat tanpa memikirkan kesan-kesan negatifnya. Stesen-stesen televisyen di negara ini seolah-olah tidak mempunyai idea untuk membentuk akhlak murni masyarakat, sebaliknya mahu melalaikan remaja dan mencari keuntungan saja. Inilah kebimbangan besar kita terhadap remaja, terutamanya yang menggilai dan taksub rancangan hiburan secara keterlaluan.

Bagaimanapun, lontaran pendapat, kritikan dan teguran kepada pihak berkenaan tidak diendahkan. Semakin hari dilihat masyarakat semakin jauh, dan seakan serasi dengan taksub hiburan, malah taksub terlampau pula dengan maksiat. Bila ada orang yang mahu betulkan keadaan, orang itu dicemuh. Zaman para sahabat dahulu, mereka merintih, menangis kerana tidak dapat turut serta berjuang di medan perang. Tetapi zaman ini manusia menangis kerana tak dapat menyanyi dan melakukan maksiat!

Sehingga kini, belum pernah terlihat mana-mana akhbar cuba mengupas isu maksiat secara terperinci. Jauh sekali mahu mengkritik dasar-dasar yang menghalalkan maksiat berleluasa. Kalau adapun hanyalah sekadar luahan rasa tidak puas hati pembaca yang diselitkan dalam ruangan surat pembaca. Sampai bila kita mahu melihat keruntuhan akhlak di kalangan belia berterusan. Bukankah belia adalah aset masa depan negara?

Jika demikian, tanggungjawab memperbetulkan keadaan ini sekarang terletak kepada pendukung perjuangan Islam. Kita perlu bangun berjihad membanteras fenomena yang mencabar ajaran Islam ini sebelum Allah menurunkan kepada umatnya kehancuran. Ingatlah ALLAH berjanji akan menurunkan kehancuran kepada umatnya yang terlalu banyak membuat kerosakkan di muka bumiNYA ini. Wallahualam

Berkat sokongan ahli kariah, Sinar Al-Ulum KD9 menemui anda kali ini dengan wajah baru yang lebih bertenaga. Terima-kasih atas sokongan anda semua – Pengarang

ENGLISH CORNER

For reading pleasure...

I ran into a stranger as he passed by, "Oh excuse me please" was my reply. He said, "Please excuse me too; I wasn't watching for you." We were very polite, this stranger and I. We went on our way and we said good-bye.

But at home a different story is told, How we treat our loved ones, young and old. Later that day, cooking the evening meal, My son stood beside me very still. When I turned, I nearly knocked him down. "Move out of the way," I said with a frown. He walked away, his little heart broken. I didn't realize how harshly I'd spoken.

While I lay awake in bed, God's still small voice came to me and said, "While dealing with a stranger, common courtesy you use, but the children you love, you seem to abuse. Go and look on the kitchen floor, You'll find some flowers there by the door. Those are the flowers he brought for you. He picked them himself: pink, yellow and blue. He stood very quietly not to spoil the surprise, you never saw the tears that filled his little eyes.


"By this time, I felt very small, And now my tears began to fall. I quietly went and knelt by his bed; "Wake up, little one, wake up," said.

"Are these the flowers you picked for me?" He smiled, "I found em, out by the tree. I picked 'em because they're pretty like you. I knew you'd like 'em, especially the blue."

I said, "Son, I'm very sorry for the way I acted today; I shouldn't have yelled at you that way." He said, "Oh, Mom, that's okay. I love you anyway." I said, "Son, I love you too, and I do like the flowers, especially the blue."

FAMILY - Are you aware that if we died tomorrow, the company that we are working for could easily replace us in a matter of days. (Would they ever think about us? Maybe a condolence note to our family and that's it!!) But the family we left behind will feel the loss for the rest of their lives. And come to think of it, we pour ourselves more into work than into our own family. An unwise investment indeed, don't you think?

FAMILY = (F)ATHER (A)ND (M)OTHER (I) (L)OVE (Y)OU



SUBHANALLAH

A psychologist from Netherlands, Professor Van der Hoven, announced his discovery about the effect of reading the Quran and repeating the word ALLAH both on patients and on normal persons.

The Dutch professor confirms his discovery with studies and research applied on many patients over a period of three years. Some of his patients were non-Muslims, others do not speak Arabic and were trained to pronounce the word "ALLAH" clearly; the result was great, particularly on those who suffer from dejection and tension. Al Watan, a Saudi daily reported that the psychologist was quoted to say that Muslims who can read Arabic and who read the Quran regularly can protect themselves from psychological diseases.

The psychologist explained how each letter in the word "ALLAH" affects healing of psychological diseases. He pointed out in his research that pronouncing the first letter in the word "ALLAH" which is the letter (A), released from the respiratory system, controls breathing. He added that pronouncing the velar consonant (L) in the Arabic way, with the tongue touching slightly the upper part of the jaw producing a short pause and then repeating the same pause constantly, relaxes the aspiration. Also, pronouncing the last letter, which is the letter (H) makes a contact between the lungs and the heart and in turn this contact controls the heartbeat.

What is exciting in the study is that this psychologist is a non-Muslim, but interested in Islamic sciences and searching for the secrets of the Holy Quran. Allah, The Great and Glorious, says, "We will show them Our signs in the universe and in their own selves, until it becomes manifest to them that This (Quran) is the truth." (Holy Quran 42:53).

Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel anda untuk dikongsi bersama. Sila majukan ke alim4@tnb.com.my

Petikan Al-Quran/Hadith

"Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang telah diperingatkan dengan ayat-ayat dari Tuhannya lalu dia berpaling daripadanya dan melupakan apa yang telah dikerjakan oleh kedua tangannya? Sesungguhnya Kami telah meletakkan tutupan di atas hati mereka, (sehingga mereka tidak) memahaminya, dan (Kami letakan pula) sumbatan di telinga mereka; kendati pun kamu menyeru mereka kepada petunjuk, niscaya mereka tidak akan mendapat petunjuk selama-lamanya." - Maksud Surah Al-Kahfi: Ayat 57

dari muka 1 **APA TINDAKAN KITA**

sebagai lambang kemuliaan manusiawi (karamah insaniyyah). Namun demikian, kita menyeru agar umat Islam di Malaysia tidak mengambil tindakan melulu yang melanggar undang-undang yang mengganggu-gugat keselamatan dalam negeri, membuat demonstrasi ganas yang merosakkan harta-benda yang boleh memburukkan lagi keadaan.

Saranan memboikot barang-barang keluaran negara berkenaan adalah satu langkah yang baik untuk diambil sebagai protes kita terhadap perlakuan mereka. Produk yang bermula dengan **bar code 57** adalah produk keluaran dari negara berkenaan. Ini merupakan langkah segera jangka pendek yang harus dilakukan secara terus bukan sekadar mengikut suasana sahaja.

Langkah yang paling penting yang harus kita lakukan adalah meningkatkan ilmu pengetahuan dan penghayatan Islam kita. Kita dihina dan akan terus diperlekehkan kerana kekurangan ilmu dan penghayatan agama kita. Malah disebabkan kedangkalan ilmu dan penghayatan ada dikalangan orang Islam sendiri yang berani mencela, mengkritik dan menghina agama sendiri.

Seorang ulama' Sheikh Zainul Abidin pernah menggariskan perbezaan umat terdahulu yang sedikit tetapi berjaya menakluki 2/3 dunia berbanding dengan umat Islam yang ramai sekarang tetapi cukup lemah dalam semua segi. Antaranya adalah:

- * pemahaman dan penghayatan Al-Quran dan Hadis sepenuhnya dalam kehidupan mereka
- * sentiasa berlumba-lumba mengerjakan yang sunat
- * sentiasa menyokong dan membantu orang yang membuat kebaikan
- * sentiasa menjaga hubungan baik dengan Allah dan manusia
- * sentiasa takut melakukan kemungkaran

Kita hanya akan dihormati sekiranya kita menguasai ilmu dan menghayati kehidupan sebagaimana digariskan dalam Islam. Musuh-musuh Islam akan lebih 'sakit hati dan merana' melihat kita mengamalkan hidup secara Islam dari demonstrasi ganas yang merosakkan hartabenda atau ekonomi mereka. Wallahuallah.

Menarik Dikeluaran Akandatang

- Diantara Burung Merpati, Burung Gagak, Burung Merak dan Ayam Jantan yang mana satu 'pilihan' anda
- Kes rompak di KD9 – pelajari Ilmu Memagar Rumah
- Serta lain-lain lagi artikel menarik

Berita Ringkas Al-Ulum

AL ULUM vs JEPUN – Satu perlawanan bola tampar persahabatan kali kedua antara ahli kariah Surau Al-Ulum KD9 dan pensyarah Jepun di University Malaya telah diadakan di gelanggang Al-Ulum pada 26 Februari, 2006 yang lalu. Pada kali ini pasukan Al-Ulum telah berjaya menebus kekalahan yang lalu.

JAZAKALLAHU-KHAIRAN-KHATIRAN – Jawatankuasa Surau Al-Ulum KD9 merakamkan ribuan terima-kasih kepada semua ahli kariah yang telah memberi respon yang amat baik dalam usaha mengisi tabung kewangan surau bagi membiayai aktiviti surau dan kos penyelenggaraan. Semuga segala sumbangan yang diberikan mendapat keredahan Illahi, Insa' Allah.

KULIAH SUBUH – semua ahli kariah dijemput hadir pada
04/03 (Sabtu) - Penceramah Ust Nik Radzi Nik Mat (Pasir Mas, Kel.)
05/03 (Ahad) - Penceramah Ust Riduan Mohd Nor (Kuala Lumpur)



Jadual Pengajian Maghrib Surau Al Ulum KD9

Tarikh	Pengajar	Subjek
01/03 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (KISAS)	Tafsir
02/03 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
03/03 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah
04/03 (Sabtu)	Ust. Syed Nazli (Penang)	Umum
05/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
06/03 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
07/03 (Selasa)	Ust. Mohamad Amin Al Buntari	Tajwid
08/03 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
09/03 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
10/03 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
11/03 (Sabtu)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
12/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
13/03 (Isnin)	Ust. Halim Din (PZS)	Hadith
14/03 (Selasa)	Ust. Mohamad Amin AlBuntari	Tajwid
15/03 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi	Tafsir
16/03 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
17/03 (Jumaat)	Ust. Azizi (As-Sahabah)	Feqah
18/03 (Sabtu)	Ust. Reduan Mohd Nor	Umum
19/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
20/03 (Isnin)	Ust. Hamzah	Tauhid
21/03 (Selasa)	Ust. Mohamad Amin Al-Buntari	Tajwid
22/03 (Rabu)	Ust. Zainuddin Abu Bakar	Feqah
23/03 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadis
24/03 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman	Tauhid
25/03 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
26/03 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
27/03 (Isnin)	Ust. Mazlan Khamis	Hadis Qudsi
28/03 (Selasa)	Ust. Mohamad Amin AlBuntari	Tajwid
29/03 (Rabu)	Jemputan Khas	Umum
30/03 (Khamis)	YAASIN/TAHLIL	-
31/03 (Jumaat)	Jemputan Khas	Umum

Muslimin/muslimat dijemput hadir bagi meningkatkan ilmu dan mengeratkan silaturrahim